

# InfoINDUSTRI

Isu 07 | 31 Ogos 2012



Berjuang Demi Hutan Kita!

Ke Arah Peningkatan Pengeluaran Beras

Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran bagi KPSSU

Negara Brunei Darussalam telah berjaya memulihkan dan "menghijau-semula" kira-kira 400 hektar tanah hutan yang rosak disebabkan kebakaran hutan, memperkaya kira-kira 11,000 hektar kawasan hutan pengeluaran balak berlebihan; dan menubuhkan kira-kira 5,000 hektar penanaman hutan.

prospek sektor perhutanan di Asia Tenggara dan sumbangan sektor perhutanan kepada pembangunan masyarakat ASEAN serta pencapaian di bawah kerjasama perhutanan;

- Memberikan komitmen mereka untuk menyokong pelaksanaan inisiatif, kerjasama dan pergabungan ke arah pengurusan hutan berkekalan dan memajukan kerjasama ASEAN mengenai perhutanan dalam sumbangan kepada Pembangunan Masyarakat ASEAN, dan menugaskan Pegawai Kanan ASEAN mengenai Perhutanan (ASOF) dan badan subsidiari mereka yang relevan untuk

... bersambung ke muka surat 2

## Berjuang Demi Hutan Kita!

**M**enteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar, mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam ke Mesyuarat Khas ASEAN dan Mesyuarat Khas Menteri-Menteri ASEAN-ROK mengenai Perhutanan yang diadakan di Seoul, Republik Korea pada 30 Ogos 2012. Delegasi negara termasuk Yang Mulia Dyg Hjh Hasnah bte Ibrahim, Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Sumber-Sumber Utama) Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Yang Mulia Awg Hj Saidin bin Salleh, Pengarah Perhutanan,

dan pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian dan Jabatan Perhutanan. Kedua-dua mesyuarat dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Dr Don Koo Lee, Menteri Perkhidmatan Perhutanan Korea (KFS) di hadapan tetamu kehormat, Tuan Yang Terutama Kim Hwang-Sik, Perdana Menteri Republik Korea.

Pada Mesyuarat Khas Menteri-Menteri ASEAN mengenai Perhutanan yang dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Dr Ty Phommasack, Timbalan Menteri Pertanian dan Perhutanan, Republik Demokratik Rakyat Lao, para Menteri:

- Diberi laporan terkini mengenai





Yang Berhormat Pehin (kiri sekali) bergambar ramai bersama Menteri-Menteri ASEAN dan Wakil dari Sekretariat ASEAN serta Tuan Yang Terutama Dr. Don Koo Lee (7 dari kiri), Menteri Perkhidmatan Perhutanan Korea (KFS).

## Berjuang Demi Hutan Kita! dari muka surat 1 ...

melaksana langkah-langkah yang perlu dan mengemaskini perkembangan dalam kemajuan Kerjasama ASEAN mengenai Perhutanan;

- Dari Negara Anggota ASEAN dan Republik Korea, taklimat disampaikan oleh Menteri KFS mengenai wawasan Pertubuhan Kerjasama Hutan Asia. Menteri-menteri juga diberi taklimat oleh Dr Silavanh Sawathvong, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Republik Demokratik Rakyat Lao, pengerusi bersama Mesyuarat Persediaan Pegawai Kanan ASEAN-ROK mengenai Perhutanan (Prep SOM), mengenai hasil Mesyuarat Prep SOM yang diadakan sebelum Mesyuarat Menteri-Menteri;
- Menerima Penyataan Khas Menteri-Menteri ASEAN-ROK – iaitu janji komitmen untuk mempertingkatkan seterusnya kerjasama perhutanan ASEAN-ROK; mempromosi pembangunan kapasiti dan mata pencarian masyarakat yang bergantung pada hutan dalam konteks Pengurusan Perhutanan Berkekalan; mempromosi karbon rendah, teknologi dan kegiatan pertumbuhan mesra alam; membabitkan pendekatan-fasa untuk mengembang kerjasama hutan serantau daripada skop ASEAN-ROK kepada kerjasama serantau yang lebih luas di Asia; menggunakan satu platform untuk dialog ke arah penubuhan Pertubuhan Kerjasama Hutan Asia (AFoCO); dan menyokong

pelaksanaan inisiatif Kerjasama Hutan ASEAN-ROK.

Ketika mesyuarat, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya menyatakan bahawa pembasmian hutan dan degradasi hutan merupakan satu isu global yang membimbangkan sekarang, menimbul masalah seperti kehilangan biodiversiti, perubahan iklim dan isu alam sekitar lain. Disebabkan isu berkenaan, Yang Berhormat Menteri menekankan kepentingan untuk menjalin usaha kerjasama seperti Perjanjian di antara ASEAN-ROK dalam memulihkan tanah hutan yang merosot, menghalang pembasmian hutan dan degradasi hutan, serta penubuhan Pertubuhan Kerjasama Hutan Asia (AFoCO).

Yang Berhormat Menteri menambah setakat ini, Negara Brunei Darussalam telah berjaya memulihkan dan “menghijau-semula” kira-kira 400 hektar tanah hutan yang rosak disebabkan kebakaran hutan, memperkaya kira-kira 11,000 hektar kawasan hutan pengeluaran balak berlebihan; dan menubuhkan kira-kira 5,000 hektar penanaman hutan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya juga menyatakan sokongan padu Negara Brunei Darussalam dalam penubuhan AFoCO – mendapati potensinya dalam mempertingkatkan profil sektor perhutanan di rantau, dan menyediakan

Negara Brunei Darussalam dan Negara Anggota ASEAN lain peluang untuk berkongsi pengalaman dan teknologi berkaitan dengan pemuliharaan hutan, di samping menangani isu perhutanan dan perubahan iklim.

Yang Berhormat Menteri juga mengucapkan tahniah dan memuji Kerajaan Republik Korea kerana memulakan Inisiatif Pertumbuhan Hijau serta atas komitmen mereka dalam berkongsi pengalaman mereka dalam pemuliharaan hutan, pencegahan penggurunan dan pengurangan perubahan iklim.

“ Negara Brunei Darussalam adalah komited dalam memastikan sumber hutan negara diuruskan dalam cara berkekalan dalam konteks amalan Pengurusan Hutan Berkekalan. Dasar Pemuliharaan Hutan Nasional Kerajaan memberi penekanan ke atas keperluan memelihara dan melindungi hutan negara supaya ia dapat memberikan faedah berterusan kepada ekonomi negara, masyarakat dan alam sekitar. ”

*Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama*

## Ke Arah Peningkatan Pengeluaran Beras



Majlis penandatanganan memorandum perjanjian antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, KPSSU, dan Satake Corporation, Jepun bagi pembelian, pembekalan dan pemasangan mesin pemprosesan padi telah berlangsung pada 30 Ogos 2012 di Members Grill & Lounge, The Empire Hotel and Country Club.

Menandatangani perjanjian bagi pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ialah Yang Mulia Dyg Hjh Aidah bte Hj Mohd Hanifah, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, manakala pihak Satake Corporation diwakili oleh Pengarah Urusan Satake Corporation, Encik Kazuyuki Kihara.

Hadir selaku tetamu kehormat ke majlis penandatanganan perjanjian tersebut ialah Yang Mulia Dyg Hjh Normah Suria Hayati bte Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja

Dato Seri Utama (Dr) Hj Awg Mohd Jamil Al-Sufri, Setiausaha Tetap, KPSSU. Turut hadir ialah Yang Mulia Awg Mohd Riza bin Dato Paduka Hj Mohd Yunos, Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Industri dan Keusahawanan) KPSSU.

Kontrak ini merangkumi pembelian, penyerahan dan pemasangan mesin pemprosesan padi berkapasiti 3.5 metrik tan padi sejam serta menyediakan keperluan latihan pengoperasian mesin (yang akan dikendalikan oleh Satake Corporation) bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Pegawai dan kakitangan Jabatan yang terlibat secara langsung dalam pengendalian mesin ini akan menjalani latihan asas selama dua minggu di Thailand dan latihan pengendalian selama enam bulan lagi di Negara Brunei Darussalam apabila mesin tersebut

telah siap dipasang. Pembekalan serta pemasangan mesin ini akan mengambil masa 10 bulan dan dijangka diserahkan sepenuhnya kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan pada penghujung Jun 2013.

Mesin pemprosesan baru ini adalah diperlukan untuk mengganti mesin pemprosesan padi yang lama serta untuk menampung jumlah pengeluaran padi domestik yang telah meningkat sejak program "Ke arah sara diri dalam pengeluaran beras Negara Brunei Darussalam" diperkenalkan pada tahun 2009. Dengan adanya mesin pemprosesan baru yang lebih berteknologi tinggi ini, pengisaran padi dijangka akan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan efisien untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan, serta membantu mengawal kualiti padi selepas tuaian.

## Majlis Tedarus dan Khatam Al-Quran bagi KPSSU

Jabatan BINA bersama Pusat Pembangunan Koperasi (CDC) telah mengendalikan Majlis Tedarus dan Khatam Al-Quran di Dewan Setia Pahlawan, KPSSU, Jalan Menteri Besar, pada jam 5.00 petang, 16 Ogos 2012. Majlis ini dihadiri oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar, Menteri

Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh Ustaz Dahlan bin Jamuddin, tenaga pengajar dari Persatuan IQRA yang seterusnya memimpin majlis Tedarus dan Khatam Al-Quran. Ustaz Dahlan membaca Doa Khatam sebagai

menandakan berakhirnya pembacaan Al-Quran 30 Juzuk yang bermula sejak awal Ramadhan di Surau KPSSU. Ini dituruti dengan persembahan Dikir yang mengakhiri majlis berkenaan. Para jemputan, jemaah dan warga penganjur menikmati juadah berbuka puasa di Bangunan KPSSU dan seterusnya menunaikan sembahyang Maghrib, Isyak dan Terawih.



# Diari **KPSSU**

## **OGOS 16** **Kunjungan Hormat Qatar**

Tuan Yang Terutama Saleh Mohammed Al-Nesef, Duta Besar dan Mutlak Qatar ke Negara Brunei Darussalam, telah membuat kunjungan hormat kepada Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar pada 16 Ogos 2012.



## **OGOS 22** **Kakitangan KPSSU Junjung Ziarah**



Kira-kira 150 orang pegawai dan kakitangan KPSSU telah mengadakan junjung ziarah ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 22 Ogos 2012 sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri Ketiga di Istana Nurul Iman. Acara tersebut dianjurkan oleh Bahagian Promosi dan Perkhidmatan Kemudahan. Pegawai-pegawai dan kakitangan seterusnya dijemput ke Rumah Terbuka Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di Tarindak D'Seni untuk jamuan tengah hari.

## **OGOS 28** **Majlis membaca Surah Yassin, Tahlil dan Doa Arwah bagi Allahyarhamah Datin Hj Dyg Siti Hara bte Allahyarham Pehin Orang Kaya Shahbandar Hj Awg Mohd Taha**

Majlis membaca Surah Yassin, Tahlil dan Doa Arwah bagi Allahyarhamah Datin Hajah Dayang Siti Hara binti Allahyarham Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd Taha, bonda kepada Setiausaha Tetap KPSSU, Yang Mulia Dyg Hj Normah Suria Hayati bte Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Hj Awg Mohd Jamil Al-Sufri, telah diadakan pada 28 Ogos 2012 di Surau KPSSU.



Hadir untuk majlis tersebut ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar; Setiausaha Tetap KPSSU, Yang Mulia Dyg Hj Normah Suria Hayati bte Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Hj Awg Mohd Jamil Al-Sufri dan Timbalan Setiausaha Tetap, Yang Mulia Awg Mohd Riza bin Dato Paduka Hj Md Yunos.